

10 Oktober 2018

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian Semula Persijilan RSPO Bagi Carotino/JC Chang Group - Carotino Melewar Production Unit & ladang-ladang – Lahad Datu, Sabah, Malaysia**

Carotino/JC Chang Group (RSPO Membership No: 2-0029-06-000-00) telah melantik BSI untuk melaksanakan penilaian semula persijilan RSPO untuk 'Carotino Melewar Production Unit' dan ladang-ladangnya. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 1 kilang kelapa sawit dan 5 ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh syarikat berkenaan. Kilang kelapa sawit tersebut terletak di Lahad Datu, Sabah, Malaysia

BSI merancang untuk melakukan penilaian persijilan semula untuk Carotino Melewar Production Unit pada 13 hingga 16 November 2018. Penilaian utama akan diadakan menurut Interpretasi Nasional Malaysia RSPO P&C MYNI 2014 dan RSPO Supply Chain Certification Standard – CPO Mills (*Revised 14 June 2017*). Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian RSPO P&C. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

<b>Carotino Melewar Production Unit dan Ladang – Ladang</b>	
Nama kilang	Melewar Production Unit
Kapasiti Kilang (mt/jam)	80 mt/jam
Lokasi	Lahad Datu, Sabah, Malaysia
Alamat	Locked Bag No. 11, 91109 Lahad Datu, Sabah, Malaysia
Rujukan GPS	118° 03' 12.4" E ; 5° 16' 21.50" N
Pengeluaran CPO (Anggaran 2018)	35,453.30 mt
Pengeluaran PK (Anggaran 2018)	9,168.00 mt
Pengeluaran FFB (Anggaran 2018)	176,648.00 mt

Ladang	Rujukan GPS	Kawasan Matang (Ha)	Kawasan Belum Matang (Ha)	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Anggaran Pengeluaran FFB untuk Tahun 2018 (MT)
Melewar Estate 1	118° 3' 48.66" E 5° 15' 49.11" N	1,607.28	367.56	2,323.18	24,649.00
Gerola Estate	118° 2' 4.56" E ; 5° 12' 18.74" N	1,079.65	320.72	1,587.40	21,850.00
Pahang Oil Palm Estate 2	118° 8' 21.87" E ; 5° 17' 37.88" N	1,563.42	823.58	2,671.80	26,228.00
Pahang Oil Palm Estate 3	118° 8' 18.62" E ; 5° 22' 27.72" N	2,392.83	0	2,619.30	51,100.00
Tye Yang Estate	117° 59' 58.59" E ; 5° 14' 33.03" N	2,197.96	1,146.66	3,759.90	52,821.00
<b>TOTAL</b>		<b>8,841.14</b>	<b>2,658.52</b>	<b>12,961.58</b>	<b>176,648.00</b>

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom. BSI Group adalah pembekal pensijilan pihak ketiga yang bebas yang telah mempunyai akreditasi untuk persijilan RSPO melalui pejabat di Malaysia dan pejabat urusan di Indonesia, Singapura, Thailand dan Australia.

Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian semula di Carotino Melewar Production Unit dan ladang-ladangnya terdiri daripada:

**En. Mohd Hafiz Mat Hussain** sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Penilaian kriteria "Supply Chain" di kilang, Aspek Undang-Undang, Amalan Pertanian Terbaik di Ladang dan Sosial); **En. Muhamad Fadzli Masran** sebagai Juruaudit (Alam Sekitar, Aspek undang-undang dan HCV); **Cik Hu Ning Shing** sebagai juruaudit (Aspek Undang-Undang dan Sosial, Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran dan Sosial).

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama: .....  
Alamat: .....  
Email: .....  
Nombor Telefon: .....  
Nombor Faks: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengurus Skim RSPO**

Mr. Nicholas Cheong  
BSI Services Malaysia Sdn Bhd  
Unit 10-03, Level 10, Tower A  
The Vertical Business Suites  
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi  
59200 Kuala Lumpur Malaysia  
Fax : +603-2242 4218  
Email : [Nicholas.Cheong@bsigroup.com](mailto:Nicholas.Cheong@bsigroup.com)

**DAN/ATAU****Auditee:**

Mr. Seow Chee Chiang  
Senior Manager  
Carotino /JC Chang Group  
Unit 30-01, Level 30, Menara Landmark, No. 12  
Jalan Ngee Heng 80000 Johor Bahru,  
Johor, Malaysia  
Fax : + 07-2241 546  
Email : [seowcc@jcc.com.my](mailto:seowcc@jcc.com.my)

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....  
Nicholas Cheong  
Pengurus Skim RSPO